PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA
Institut Kraf Negara
No. 1, KM 20, Jalan Ipoh-Rawang
Taman Rekreasi Templer
48000 Rawang
SELANGOR

INSTITUT KRAF NEGARA
ILMU IMAN MAHIR

Tel : 603 - 6091 5322
Faks : 603 - 6092 6072
Portal Rasmi : www.kraftangan.gov.my
www.ikn.edu.my

Ruj. Kami: PKKMIKN.700-3/7/1 Jld. 3 (8)
Tarikh : 28 Oktober 2026

Semua Graduan Institut Kraf Negara

Saudara/Saudari,

JEMPUTAN KE MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT KRAF NEGARA KE-24 TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian. Institut Kraf Negara (IKN) dengan sukacitanya menjemput saudara/saudari ke Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kraf Negara Ke-24 bagi Tahun 2026 seperti butiran berikut :

Tarikh	:	**12 November 2026 (Khamis)**
Masa	:	**8.00 pagi**
Tempat	:	**Dewan Cindai** **Institut Kraf Negara** **No.1 KM 20, Jalan Ipoh - Rawang** **Taman Rekreasi Templer** **48000 Rawang, Selangor.**

3. Sehubungan dengan itu, para graduan **DIWAJIBKAN** untuk melengkapkan dokumen seperti berikut untuk diserahkan kepada urus setia pada hari pendaftaran. **Sila Cetak di Portal IKN** www.ikn.edu.my maklumat seperti berikut:

(a) Panduan & Etika Konvokesyen
(b) Mengisi Borang Pengesahan Kehadiran Graduan dan Ibu bapa **(Pengesahan Kehadiran melalui *'google form'* sebelum 6 November 2026 (Jumaat))**
(c) Borang IKN K1 **(Pengeposan Sijil)**
(d) Borang Pengambilan Jubah Graduan
(e) Borang Pendaftaran Alumni IKN **(Lengkap Bergambar)**
(f) Borang *Exit Survey*
(g) Senarai Semak Graduan

Ruj. Kami : PKKMIKN.700-3/7/1 Jld. 3 (8)

JEMPUTAN KE MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT KRAF NEGARA KE-24 TAHUN 2026

4. Dimaklumkan bahawa pendaftaran **Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kraf Negara Ke-24** akan diadakan pada 11 November 2026 (Rabu) pukul 9.30 pagi di Auditorium, Institut Kraf Negara manakala **sesi raptai penuh** akan diadakan pada hari yang sama, pukul 2.30 petang di Dewan Cindai, Institut Kraf Negara.

5. Kerjasama dan keprihatinan saudara/saudari adalah diperlukan agar Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kraf Negara (IKN) Ke-24 berjalan dengan lancar dan teratur. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Muhamad Izzat Ikram Bin Azmi di talian 016-674 0960 dan Puan Jusnita Heriani binti Hairunnas di talian 019-325 9231 atau Unit Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar di talian 03-6091 2607 (Talian Terus).

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KRAF MEMPERKASA SOSIOEKONOMI RAKYAT"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR AZAHLIZA BINTI RAMLI)
Pendaftar
INSTITUT KRAF NEGARA